



## FESTIVAL TARIAN KREATIF ETNIK BORNEO (*EthDance*) 2023

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua (warganegara dan bukan warganegara Malaysia)
2. Penyertaan bagi setiap kumpulan hendaklah:
  - i. Tidak lebih daripada 25 orang peserta termasuk yang menyertai pertandingan, persembahan & krew.
  - ii. Bilangan minima penari di atas pentas 10 orang dan maksimum 16 orang penari sahaja.
  - iii. Digalakkkan penglibatan yang terdiri dari pelbagai kaum.
3. Setiap kumpulan yang ingin menyertai pertandingan ini hendaklah melengkapkan borang penyertaan serta **yuran komitmen kumpulan yang akan dikenakan sebanyak RM50.00/kumpulan sahaja**. Borang penyertaan boleh dihantar melalui email [ethdance2023@upm.edu.my](mailto:ethdance2023@upm.edu.my) atau pos ke alamat **UPM KAMPUS BINTULU SARAWAK, 97008 BINTULU, SARAWAK MALAYSIA**. Tarikh tutup ialah pada **24 November 2023 (JUMAAT)**.
4. Peserta dibenarkan membawa dan menggunakan alat bantu yang bersesuaian dan tidak membahayakan atau mengganggu perjalanan semasa pertandingan dijalankan (**TIDAK DIBENARKAN PENGGUNAAN BAHAN API**). Hanya **Minus One** dibenarkan untuk mengiringi persembahan pertandingan bagi syarat 2 (iv).
5. Setiap kumpulan adalah bebas menggunakan kreativiti masing-masing dalam persembahan dan sebarang penggunaan peralatan (props) untuk pertandingan adalah di bawah tanggungjawab dan pengurusan kumpulan itu sendiri.

6. Sebarang kehilangan barang-barang, kecederaan dan kemalangan yang disebabkan oleh kecuaian peserta semasa pertandingan adalah di bawah tanggungjawab kumpulan itu sendiri.
7. Setiap kumpulan hendaklah menggunakan busana tarian yang bersesuaian bercirikan masyarakat **budaya timur** dan tidak menjolok mata.
8. Semua perbelanjaan perjalanan adalah di bawah tanggungan kumpulan peserta masing-masing.
9. Persembahan dan penyertaan yang dipertandingkan adalah bagi tarian kreatif etnik borneo tertakluk kepada ketetapan berikut:
  - i. Kategori Tarian Kreatif Etnik Borneo merupakan satu koreografi tari dan hendaklah berlandaskan etnik Borneo secara kreatif dan bukan berbentuk dramatari.
  - ii. Persembahan hendaklah di antara 5 hingga 8 minit dan 5 markah akan ditolak secara keseluruhan sekiranya persembahan kurang daripada 5 minit atau lebih daripada 8 minit. Masa persembahan akan dikira sebaik sahaja gerak tari/muzik/vokal bermula.
  - iii. Hanya muzik **MINUS ONE** sahaja yang dibenarkan mengiringi persembahan.
10. Setiap kumpulan yang mengambil bahagian Festival Tarian Kreatif Etnik Borneo ini hendaklah menanggung sendiri perbelanjaan kumpulan masing-masing dari segi persediaan latihan, jurulatih dan penyediaan busana selengkap-lengkapnya. Apa-apa perbelanjaan atau kerugian semasa persembahan adalah tanggungjawab kumpulan masing-masing.
11. Sekiranya peserta tidak mematuhi syarat-syarat yang disebut di atas maka Hakim/Juri pertandingan berhak membuat keputusan persembahan tersebut tidak diambil kira untuk pemarkahan. Keputusan Hakim/Juri adalah muktamad.
12. Pertandingan ini akan menggunakan sistem Hakim/Juri Profesional Pertandingan yang dilantik oleh pihak pengajur.

13. Hadiah

Pihak pengajur akan menyediakan hadiah berupa wang tunai dan piala kepada pemenang mengikut kategori berikut:

**Kategori Tarian Kreatif Etnik Borneo**

Johan	-Wang Tunai RM2,000.00 + Sijil + Piala
Naib Johan	-Wang Tunai RM1,500.00 + Sijil + Piala
Ketiga	-Wang Tunai RM1,000.00 + Sijil + Piala
Saguhati	- Sijil

**Anugerah Koreographer**

Tempat Pertama	- Wang Tunai RM300.00 + Sijil
Tempat Kedua	- Wang Tunai RM200.00 + Sijil
Tempat Ketiga	- Wang Tunai RM100.00 + Sijil

**Anugerah Busana Terbaik**

Tempat Pertama	- Wang Tunai RM300.00 + Sijil
Tempat Kedua	- Wang Tunai RM200.00 + Sijil
Tempat Ketiga	- Wang Tunai RM100.00 + Sijil

**Anugerah Susunan Muzik Terbaik**

Tempat Pertama	- Wang Tunai RM300.00 + Sijil
Tempat Kedua	- Wang Tunai RM200.00 + Sijil
Tempat Ketiga	- Wang Tunai RM100.00 + Sijil

14. Sebarang pertanyaan serta maklumat lanjut boleh menghubungi pegawai berikut:

Puan Rosidah binti : 019-2762004 ([rosidahbasir@upm.edu.my](mailto:rosidahbasir@upm.edu.my))

Basir

Puan Asniar binti Salim : 013-8041030 ([asniar@upm.edu.my](mailto:asniar@upm.edu.my))

Puan Masna binti : 012-8797212 ([masna@upm.edu.my](mailto:masna@upm.edu.my))

Suhaili

## A. RUBRIK PEMARKAHAN

### 1. Kreativiti (20 Markah)

#### i. Keunikan Gerak (10 Markah)

Tumpuan diberi kepada penonjolan gerak tari yang original yang mungkin berteraskan sesuatu bentuk tradisi ataupun sebaliknya. Ini mungkin juga terhasil daripada proses improvisasi sewaktu berkarya.

#### ii. Elemen yang tidak disangka-sangka atau Kekaguman (5 Markah)

Merangkumi pergerakan atau sesuatu simbol atau perlambangan yang bersifat 'spectacular' yang berlaku dengan tidak disangka-sangka oleh penonton. Elemen-elemen yang bersifat humor/komedi atau 'extravaganza' yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan mampu memberi kesan yang mendalam kepada penonton akan diberikan perhatian.

#### iii. Pengunaan Set dan Prop (5 Markah)

Pengunaan Set, Prop secara baru atau dengan tahap olahan yang paling kreatif. Pengunaan set dan prop yang membawa sesuatu maksud yang tertentu dan membantu menyampaikan mesej kepada penonton.

### 2. Koreografi (20 Markah)

#### i. Teknik Gerak (10 markah)

Merangkumi segala aspek gerak tarian. Ini meliputi posture yang betul, kelenturan badan, pandangan mata (*eye-line* yang tepat), penggunaan gerakan kaki yang baik dengan pemindahan gerak badan yang licin dan teknik gerakan yang baik seperti lompatan, pusingan dan sebagainya (*degree, level, energy, sharpness*).

#### ii. Kualiti Dalaman (10 Markah)

Markah akan diberi kepada kefahaman dan penghayatan penari terhadap pembawaan gerak. Pergerakan yang berharmoni dengan alunan muzik irungan serta dapat mengikuti dan menguasai rentak-rentak yang berbeza dengan tepat. Peradapan yang sewajarnya dalam sesuatu tarian mesti ditonjolkan. Teras kepada penciptaan karya tari harus diberi perhatian.

### **3. Persembahan / Posture (30 Markah)**

#### i. Keseragaman (20 Markah)

Markah akan diberi kepada penonjolan pengambaran tajuk yang jelas dan pergerakan yang harmoni. Kesilapan gerak yang keterlaluan daripada penari akan menyebabkan kehilangan markah. Ada kalanya perekatari menentukan beberapa geraktari penari dengan pergerakan yang berbeza dalam sesuatu masa yang sama. Ini harus dilakukan di dalam keadaan, cara atau teknik yang jelas, teratur dan tersusun.

#### ii. Personaliti (10 Markah)

Penampilan penari di atas pentas akan diambil kira. Perwatakan penari adalah penting dan kejayaan penyampaian mesej di dalam sesuatu koreografi tarian kepada penonton.

### **4. Kesesuaian Muzik (10 markah)**

- Susunan muzik yang dapat menggambarkan perkaitan dengan tarian yang disampaikan. Penyambungan lagu yang licin dan sempurna serta tidak menimbulkan rasa yang tidak selesa.

### **5. Penggunaan Ruang / Pola Lantai (10 markah)**

- Meliputi ruang dan pola lantai yang menarik dan cantik. Markah akan diberi untuk patern atau formasi-formasi yang menarik. Transisi dari satu formasi ke satu formasi yang lain dengan lancar serta unik akan diberi perhatian yang lebih tinggi.

### **6. Kostum / Busana dan Tatarias (10 Markah)**

- Olahan antara daya kreatif, kecantikan / keindahan dan kesesuaian dengan tema tarian. Kostum yang menepati tema sesuatu tarian akan diberi lebih perhatian.

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN **100 MARKAH**